

PELANCARAN PROGRAM TFM UNTUK GURU NOVIS YANG DISOKONG OLEH YAYASAN CIMB

KUALA LUMPUR — Majlis perasmian Program TFM Untuk Guru Novis yang dianjurkan oleh Yayasan CIMB telah diadakan pada 18 Mei. Program ini bertujuan untuk memperkasakan dan menyokong Guru Novis TFM untuk mencapai kemenjadian murid dalam beberapa tahun pertama pengajaran mereka. Program ini menyokong program pembangunan guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedia ada melalui gabungan bengkel latihan dan sesi bimbingan langsung. Dibiayai oleh Yayasan CIMB, Program TFM Untuk Guru Novis ialah Program Pembangunan Kepimpinan khas untuk Guru Novis bertujuan untuk menyokong KPM dalam membangunkan guru yang inovatif, selaras dengan Teras 5 Kementerian Pendidikan iaitu kebijakan guru sebagai teras keberkesanan penyampaian pendidikan.

Program TFM Untuk Guru Novis adalah tambahan terbaru kepada Program TFM dan ia memberi tumpuan kepada pengambilan guru KPM yang mempunyai pengalaman kurang daripada 2 tahun. Program ini mengutamakan pengambilan Guru Novis di sekolah kerajaan berkeperluan tinggi, dengan objektif utama untuk melatih dan menyokong mereka menjadi seorang pendidik yang inovatif. Program ini bertujuan untuk membina calon "Guru Cemerlang" yang menjadi pemimpin dalam bilik darjah dan membina kemahiran untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat.



"Guru Novis direka untuk mengukuhkan kemahiran pedagogi guru baharu dan mempertajam kemahiran kepimpinan mereka untuk menangani dengan efektif sebarang halangan ke arah kemenjadian murid yang diingini. Kita semua tahu bahawa beberapa tahun pertama mengajar selalunya paling mencabar, jadi program ini juga memberi tumpuan untuk membantu guru membina komuniti sokongan yang kuat dalam kalangan rakan sebaya yang turut menyertai program ini" kata Sawittri Charun, Ketua Interim Program TFM Teach For Malaysia .

Bersempena Hari Guru, kami berharap dapat memperkasakan peranan guru bukan sekadar menyampaikan pelajaran tetapi sebagai teladan yang membentuk masa hadapan anak-anak kita. Saya harap impak gerakan pemimpin kami akan terus berkembang untuk mendorong pelbagai peluang dalam memastikan semua anak-anak Malaysia menerima akses pendidikan berkualiti.

Majlis ini turut ditambah seri dengan kehadiran YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia. Kehadiran beliau menunjukkan komitmen kerajaan dalam menyokong inisiatif seperti Program TFM Untuk Guru Novis yang berusaha bagi mewujudkan sistem pendidikan yang lebih saksama.



YB Fadhlina Sidek berkata, "Penting bagi program ini memberi penekanan dalam mengembalikan budaya ilmu dalam kalangan guru. Hal ini kerana, tiada orang yang lebih baik untuk menjadi suri teladan kepada anak-anak murid dalam amalan menimba ilmu melainkan guru yang dapat menghidupkan budaya ini." Beliau menekankan kepentingan Guru Novis untuk menerapkan amalan membaca sebagai asas dalam aktiviti pengajaran. [Sumber - minit 4:10](#)

Encik Ahmad Shahriman Mohd Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan CIMB juga berkongsi, "Kami berbesar hati untuk menyokong inisiatif seperti Program TFM Untuk Guru Novis yang sejajar dengan salah satu tunggak utama Yayasan CIMB dalam memperkasakan komuniti melalui pendidikan. Kami percaya program ini akan memacu perubahan positif dan membina masa depan yang lebih cerah untuk murid yang berkeperluan tinggi dari lokasi luar bandar, dan di kalangan populasi komuniti Orang Asli khususnya di Perak dan Selangor. Program dua tahun ini mencerminkan komitmen kami untuk memperkasakan pendidik dan mewujudkan peluang yang saksama serta akses kepada pendidikan untuk semua kanak-kanak Malaysia."



Bersama-sama dengan rakan kongsi kami seperti Yayasan CIMB, kami menasarkan untuk mencapai daya kritikal yang diperlukan untuk memberikan impak yang berkekalan terhadap sistem pendidikan negara kita, di samping bekerjasama dengan pendidik semasa dan akan datang.

Sertai kami dalam mencipta pemimpin bilik darjah yang akan membentuk pemimpin hari esok. Bersama-sama, mari kita memperkasakan murid untuk memilih masa depan yang mereka impikan.

Nota buat penyunting

Teach For Malaysia (TFM) merupakan sebuah organisasi bebas yang bukan berdasarkan keuntungan. TFM mempunyai misi agar setiap anak Malaysia akan berpeluang mencapai potensi diri melalui pendidikan berkualiti. TFM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mencapai sekolah-sekolah awam berkeperluan tinggi. TFM merupakan sebahagian daripada 62 rakan rangkaian pendidikan global berprestij, Teach For All.

Sejak 2012, Teach For Malaysia telah membina sebuah gerakan transformasi dalam sistem pendidikan dengan menempatkan graduan dan belia profesional yang berpotensi tinggi sebagai guru sepenuh masa di sekolah-sekolah berkeperluan tinggi di Malaysia untuk membanteras ketidaksamaan pendidikan melalui program andalan kami, Felo TFM. Pada tahun 2020, TFM telah meluaskan usaha kami untuk turut melatih dan membimbing guru-guru STEM yang sedang berkhidmat di sekolah melalui Program Duta Guru (PDG) yang berjalan selama dua tahun.

Teach For Malaysia adalah penerima Anugerah Merdeka (Merdeka Awards) 2022 dalam kategori Pendidikan dan Komuniti. Anugerah Merdeka merupakan sebuah anugerah prestasi ulung Malaysia yang diasaskan oleh PETRONAS, ExxonMobil, dan Shell pada tahun 2007.

Sejak pelancarannya pada tahun 2012, gerakan Yayasan Teach For Malaysia yang terdiri daripada 2872 orang Felo YTFM, Peserta PDG dan Alumni telah memberi impak kepada sebanyak 366,395 murid di seluruh negara.

Ketahui dengan lebih lanjut tentang impak kami: Rujuk [Laporan Impak Teach For Malaysia 2022](#)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Ramesh Radhakrishnan

Pengurus Pemasaran

Teach For Malaysia

Tel: +6014-9064865

Email: ramesh.radhakrishnan@teachformalaysia.org

Laman web: www.teachformalaysia.org

Twitter: <https://twitter.com/teachformsia>

Facebook: <https://www.facebook.com/teachformalaysia>

Instagram: <https://www.instagram.com/teachformsia/>